

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU
DI KUALA TERENGGANU
DI NEGERI TERENGGANU**

DALAM PERKARA TUNTUTAN PERUBAHAN NAFKAH ANAK

SAMAN NO: 11200-022-XXX-2015

ANTARA

AAA BT CCC
KP: 11111-11-4567

...PLAINTIF

DENGAN

XXXX BIN VVV
KP: 11111-11-4444

...DEFENDAN

DI HADAPAN YANG ARIEF,
TUAN HAJI KAMALRUAZMI BIN ISMAIL P.J.K.,
HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH TERENGGANU,
DI KUALA TERENGGANU, TERENGGANU,

PADA HARI ISNIN 10 JAMADIL AKHIR 1439H
BERSAMAAN 26 FEBRUARI 2018

ATAS TUNTUTAN Plaintiff, Tuntutan ini dipanggil untuk perbicaraan di dalam Mahkamah Terbuka, Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu di Kuala Terengganu dalam kehadiran Plaintiff bersama Peguam Syariannya Tuan Haji Mukhtar bin Abdullah, dari Tetuan Zamani Mohammad & Co beralamat penyampaian di 1107-E, Tingkat 1-3, Jalan Pejabat, Off Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, dan dengan kehadiran Defendan bersama peguam syariannya Encik Syed Ahmad Shahabuddin bin Syed Nong Mohamad, dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co beralamat penyampaian di No 304 & 305, Tingkat 3, Wisma Kokitab, Jalan Sultan Ismail, 20200 Kuala Terengganu, Terengganu. **MAKA PADA HARI INI YANG ARIEF HAKIM TELAH MEMBUAT PENGHAKIMAN SEPERTI BERIKUT:-**

Kes di hadapan Mahkamah ini adalah tuntutan Perubahan Nafkah Anak oleh Plaintiff, AAA BT CCC,(ibu) terhadap Defendan, XXXX BIN VVV (bapa) demi menjaga kebajikan anak-anak dan bagi memenuhi keperluan dan melengkapkan segala perbelanjaan anak-anak yang semakin meningkat kini.

[LATAR BELAKANG KES] - Plaintiff dan Defendan berkahwin pada 26 Ogos 1993 dan bercerai pada 28 Jun 2006 (*sebagaimana Ekshibit P1*). Sepanjang perkahwinan Plaintiff dan Defendan telah dikurniakan 5 orang cahaya mata perempuan sebagaimana berikut :

1. Nor Nadzirah binti VVV (umur 24 tahun)
Tarikh Lahir X.X.1994
2. Nurul Aida binti VVV (umur 23 tahun)
Tarikh Lahir X.X.1995
3. Nurul Afiqah binti VVV (umur 17 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2001
4. Nurul Izzati binti VVV (umur 15 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2003
5. Nurul Aimi Shahira binti VVV (umur 11 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2007

Kes yang difailkan ini adalah berhubung dengan satu perintah persetujuan bersama di antara Plaintiff dan Defendan, di dalam Mahkamah Tinggi Syariah Kuala Terengganu melalui Kes Mal No: 11200-028-XXXX-2008, yang mana pada 4 April 2010 Mahkamah telah memberi satu penghakiman persetujuan di antara Plaintiff dan Defendan berhubung dengan nafkah anak-anak sebagaimana berikut:-

1. Defendan difardhukan membayar nafkah untuk 5 orang anak berjumlah RM1,000.00 sebulan dan dibayar oleh Defendan sebelum 5hb tiap-tiap bulan.

2. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak.
3. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan yuran persekolahan sebanyak RM 1000.00 untuk 5 orang anak.
4. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan hari Raya Aidilfitri sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak.
5. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan Hari Raya Aidiladha sebanyak RM500.00 untuk 5 orang anak.
6. Kesemua bayaran tersebut di atas dimasukkan ke dalam akaun bank anak kedua yang bernama Nurul Aida Binti VVV.

Kemudian pada 21 Oktober 2012, Plaintiff telah membuat Tuntutan Perubahan Nafkah Anak kali pertama melalui Kes Mal No : 11100-025-XXXX-2011 dan Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu telah mengubah sebahagian daripada perintah bertarikh 4 April 2010 (Kes Mal No : 11200-028-XXXX-2008) tersebut sebagaimana berikut :

1. Defendan difardhukan membayar nafkah untuk 5 orang anak berjumlah RM2,000.00 sebulan.
2. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan Hari Raya Aidiladha sebanyak RM750.00 untuk 5 orang anak.

DAN terma yang tidak diubah adalah sebagaimana berikut :

1. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan hari Raya Aidilfitri sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak.
2. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak.

3. Defendan difardhukan membayar perbelanjaan yuran persekolahan sebanyak RM 1000.00 untuk 5 orang anak.

Perintah perubahan ini telah dirayu oleh Plaintiff di Mahkamah Rayuan Syariah dan pada 6 Julai 2015 Panel Rayuan telah menolak rayuan Plaintiff dan mengekalkan terma-terma perintah perubahan yang telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam Kes Mal No : 11100-025-XXXX-2011.

Seterusnya, Plaintiff sekali lagi dalam Penyata Tuntutannya yang bertarikh 20 September 2015 menuntut perubahan nafkah bagi 5 orang anak untuk kali kedua yang dikemukakan kepada Mahkamah ini bagi menuntut sebagaimana berikut :

1. Nafkah bagi 5 orang anak diubah dari RM2000.00 kepada RM6000.00 sebulan.
2. Yuran pengajian bagi anak pertama dan anak kedua sebanyak RM7000.00 setahun.
3. Yuran dan perbelanjaan awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sebanyak RM3000.00 setahun.
4. Bayaran perbelanjaan hari Raya Aidilfitri bagi 5 orang anak sebanyak RM 1000.00 diubah kepada sebanyak RM2000.00 setahun.
5. Bayaran perbelanjaan hari Raya Aidiladha bagi 5 orang anak sebanyak RM 750.00 diubah kepada sebanyak RM2000.00 setahun.

Plaintiff di dalam kes ini AAA BT CCC (ibu) adalah kakitangan di Stesen Minyak Petronas Seberang Marang, Terengganu. Pada masa ini alamat penyampaian Plaintiff ialah di Lot 111, Kampong ABC, 21600 Marang, Terengganu. Defendan pula ialah XXXX BIN VVV (bapa), bekerja di XXXX Sdn. Bhd. Pada masa ini alamat penyampaian Defendan adalah di XXXX Sdn. Bhd., Lot 123, Kawasan XXX, 24300 Kerteh, Kemaman, Terengganu.

Defendan di dalam kes ini telah memfailkan Penyata Pembelaannya pada 24 Mac 2016 dan merujuk kepada penghakiman Mahkamah Rayuan Syariah pada 6 Julai 2015 yang memutuskan rayuan Plaintiff ditolak dan mengekalkan terma-terma perintah perubahan yang

telah diputuskan oleh Mahkamah Tingg Syariah dalam Kes Mal No : 11100-025-XXXX-2011 bahawa kadar nafkah anak sebanyak RM2000.00 untuk 5 orang anak adalah memadai dan mencukupi begitu juga dengan perbelanjaan hari raya Aidiladha iaitu sebanyak RM750.00 untuk 5 orang anak adalah mencukupi. Defendan juga menyatakan bahawa jumlah tuntutan daripada RM2000.00 kepada RM6000.00 untuk 5 orang anak adalah terlalu tinggi dan mewah serta di luar kemampuannya. Jika sekiranya anak-anak memerlukan perbelanjaan tambahan mereka boleh terus berhubung dengan Defendan.

Seterusnya berhubung yuran pengajian bagi anak pertama dan anak kedua sebanyak RM7000.00 setahun. Kedua-duanya menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA) Defendan menyatakan bahawa anak pertama telah mendapat pembiayaan daripada Yayasan Terengganu sebanyak RM11 000 untuk sepanjang tempoh pengajian, dan jumlah tersebut telah melebihi keperluan. Defendan juga memberi wang tambahan sebanyak RM400 kepada anak-anak mengikut keperluan. Sekarang anak pertama ini sedang mengikuti latihan sambil belajar di tempat Defendan bekerja dan tinggal bersama Defendan serta menerima elaun sebanyak RM800 sepanjang latihan tersebut. Begitu juga dengan anak kedua telah mendapat pinjaman sebanyak RM26 000 sepanjang tempoh pengajian. Jumlah tersebut adalah mencukupi, tambahan RM400 sebulan sebagai wang saku daripada Defendan. Dengan ini Defendan tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff bahawa yuran pengajian bagi anak pertama dan anak kedua sebanyak RM7000.00 setahun kerana bayaran tersebut adalah termasuk dalam pembiayaan pengajian atau pinjaman pelajaran masing-masing dan di luar kemampuan Defendan.

Kemudian berhubung yuran dan perbelanjaan awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sebanyak RM3000.00 setahun Defendan menyatakan jumlah tersebut adalah melampaui keperluan. Defendan mohon supaya mengubah bayaran perbelanjaan yuran persekolahan sebanyak RM 1000.00 untuk 5 orang anak kepada RM1200 untuk tiga orang anak memandangkan anak pertama akan menghabiskan pengajian tidak lama lagi dan anak kedua pula telah mendapat pembiayaan pengajiannya.

Defendan juga tidak bersetuju dengan tuntutan Plaintiff berhubung perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM2000.00 setahun dan Hari Raya Aidiladha sebanyak RM2000.00 setahun bagi 5 orang anak. Jumlah yang dituntut ini bersifat bermewah-mewahan dan di luar kemampuan Defendan. Bahkan jumlah perbelanjaan Hari Raya Aidiladha sebanyak RM750.00 untuk 5 orang anak dan perbelanjaan hari Raya Aidilfitri sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak sebagaimana perintah Kes Mal No : 11100-025-XXXX-2011 pada 21 Oktober 2012 diakui oleh Mahkamah Rayuan Syariah dan sudah memadai keperluan persiapan Hari Raya.

Seterusnya Defendan dalam Penyata Pembelaannya menegaskan bahawa jumlah pendapatannya adalah tertakluk kepada potongan dan perbelanjaan sebagaimana berikut :

Bil	Perkara	Jumlah Bulanan
1.	Bil api/air	RM 935
2.	Kad Kredit Maybank – Petrol	RM1500
3.	Kad Kredit Am Bank – Telekomunikasi	RM400
4.	Belanja Peribadi	RM500
5.	Nafkah anak-anak bekas isteri – Agro Bank	RM2000
6.	Astro	RM250
7.	Duit belanja rumah	RM2000
8.	Belanja untuk anak – Ahmad Ammar Amsyar	RM400
9.	Belanja untuk anak – Ahmad Ammar Aqiff	RM400
10.	Belanja untuk anak baru – Ahmad Ammar Adeep	RM400
11.	Etika Insurance	RM100
12.	Ansuran Kereta – TAT 001– Public Bank	RM1500
13.	Ansuran Kereta – TBA 003 – Ambank	RM800
14.	Loan rumah kedai – CIMB	RM2652

15.	Pinjaman Pelajaran MARA	RM150
16.	Bayaran pinjaman rumah – Public Bank	RM2350
17.	BIMB Personal Loan	RM2050
18.	BIMB Personal Loan atas nama XXXX	RM973.52
19.	KOPETRO – Potongan bulanan dalam slip gaji	RM1210
20.	Service Kereta (service/tayar/bateri) RM4000/12 bulan	RM333
21.	Roadtax untuk 2 kereta RM4270.63/12 bulan = RM417 1. Roadtax Camry RM742 / insurance RM1749.43 2. Roadtax Inspira RM279.20 / insurance RM1500	RM355.90
22.	Belanja buku sekolah anak RM400 x 7 (semua anak) /12 bulan	RM233
23.	Belanja Aidilfitri RM200 x 5 orang anak bekas isteri /12 bulan	RM83.50
24.	Belanja Aidilfitri RM200 x 4 orang /12 bulan (keluarga Sekarang)	RM66.67
25.	Belanja Aidilfitri RM500 (untuk diri sendiri)	RM41.67
26.	Belanja Aidiladha RM150 x 5 orang anak bekas isteri /12 bulan	RM62.50
27.	Belanja Aidiladha RM150 x 4 orang /12 bulan (keluarga Sekarang)	RM50.00
28.	Belanja Aidiladha RM500 (untuk diri sendiri)	RM41.67
29.	Hak perbelanjaan membawa anak-anak bercuti RM2000 /12bulan	RM166.67
30.	Hak perbelanjaan menjaga anak-anak pada hujung Minggu dan kelepasan am RM2000 /12bulan	RM166.67
31.	Lain-lain (guaman, cukai pintu, zakat, cukai tanah, Maintenance kereta, rumah, isteri bersalin dan lain-lain)	RM1250
	JUMLAH BESAR	RM 22,211.57

Seterusnya Pendapatan bulanan Defendan pula adalah sebagaimana berikut :

Bil	Perkara	Pendapatan
1.	Pengeluaran KWSP untuk pembiayaan pinjaman Perumahan – CIMB	RM 2344.00
2.	Gaji bersih daripada XXXX Sdn Bhd	RM 13,836.00
3.	Pendapatan sewa kedai daripada KONIKA MINOLTA – tingkat bawah	RM1550.00
4.	Pendapatan sewa kedai daripada En Woong – Tingkat atas	RM800.00
	Jumlah Besar	RM18,530.00

Berdasarkan jumlah perbelanjaan yang melebihi daripada jumlah pendapatan, Defendan mohon kepada Mahkamah untuk membuat pertimbangan yang sewajarnya bagi memenuhi keperluan anak-anaknya dan tuntutan Plaintiff adalah diluar kemampuannya. Maka dengan ini, Defendan dalam pernyataan tuntutan balasnya, memohon kepada Mahkamah sebagaimana berikut :

1. Kadar nafkah anak dikekalkan sebanyak RM2000 / alternatifnya dikurangkan.
2. Memandangkan anak-anak telah besar, Defendan mohon supaya bayaran terus kepada akaun setiap anak. (Setiap anak hendaklah mempunyai akaun sendiri)
3. Bayaran yuran pengajian tidak wajar untuk diletakkan dalam jumlah tertentu kerana ia termasuk dalam pembiayaan pengajian.

Oleh yang demikian, Defendan mohon supaya tuntutan Plaintiff ditolak dengan kos dan tuntutan balas Defendan dibenarkan.

Kemudian pada 3 April 2016 Plaintiff telah memfailkan Penyata Jawapan kepada Pembelaan Defendan. Plaintiff menafikan jumlah tuntutan nafkah sebanyak RM6000 untuk 5 orang anak adalah tinggi dan bersifat mewah kerana jumlah yang diberikan sekarang adalah tidak mencukupi. Plaintiff juga menegaskan bahawa elaun sebanyak RM800 yang diterima oleh

anak pertama itu adalah bersifat sementara sahaja dan setelah tamat latihan tersebut, anak pertama itu akan mengikuti pengajian seperti biasa. Bahkan Plaintiff menafikan dan tiada sebarang duit poket tambahan yang diberikan kepada anak kedua sebagaimana dakwaan Defendan iaitu sebanyak RM400. Plaintiff juga menafikan ada bayaran-bayaran lain secara terus yang dibuat oleh Plaintiff dan mohon pembuktian yang ketat kepada Mahkamah. Dengan ini Plaintiff membuat tuntutan balas bagi memudahkan urusan pembayaran nafkah terhadap anak-anak, mohon supaya suatu perintah tahanan pendapatan dilaksanakan ke atas Defendan.

Kes ini mula dibicarakan di hadapan saya pada 18 April 2016. Plaintiff, AAA BT CCC diwakili oleh Peguam Syari'e dari Tetuan Zamani Mohammad & Co manakala Defendan, XXXX BIN VVV diwakili oleh Peguam Syari'e dari Tetuan Ahmad Shahabuddin & Co. Plaintiff hanya mengemukakan keterangan dirinya sendiri bersama dokumen-dokumen tanpa dipanggil mana-mana saksi, begitu juga dengan pihak Defendan juga mengemukakan keterangan dari dirinya sendiri bersama dokumen-dokumen tanpa mana-mana saksi. Sebelum meneliti fakta dan persoalan di dalam kes ini, adalah penting untuk menentukan bidang kuasa mahkamah dalam mendengar tuntutan ini.

{ BIDANG KUASA MAHKAMAH - mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang }

Sebelum Mahkamah membuat analisa ke atas fakta persoalan di dalam kes ini, Mahkamah berpendapat adalah perlu menyentuh secara ringkas berkenaan bidang kuasa Mahkamah terlebih dahulu bagi memastikan bahawa keputusan yang dibuat nanti adalah menepati Hukum Syara' dan undang-undang dari berbagai sudut. Sebagaimana dinyatakan oleh Muhammad Salam Madkur di dalam kitabnya berjudul *Al-Qada' fil Islam*, terbitan *Matba'ah Al 'Aalamiyah*, Kaherah, 1964, yang mana pada muka 54 beliau menyebut:

هو أن يخصص ولي الأمر القاضى عند تقليده القضاء أو بعد ذل بنوع معين من القضايا ،
كأ لآ حوال الشخصية ، أو المدنى ، أو التجارى ، أو الجنائى إلى غير ذلك ، فلا يصح له أن ينظر
فى نوع آخر غيره

Terjemahannya :

“Bidangkuasa mengikut jenis kes ialah pemerintah mengkhhususkan bidangkuasa ke atas seseorang Hakim semasa perlantikan Hakim itu atau selepas perlantikan dibuat dengan menentukan bahawa Hakim itu mempunyai bidangkuasa tertentu sahaja seperti diberi bidangkuasa bagi mengendalikan undang-undang diri, undang-undang sivil, undang-undang perdagangan atau bagi undang-undang jenayah dan seumpamanya; oleh yang demikian Hakim itu hanya berbidangkuasa bagi kes-kes yang dianya diberi bidangkuasa sahaja dan Hakim itu tidak boleh melaksanakan bidangkuasa lain yang tidak diberi kepadanya.”

Oleh kerana kes ini adalah tuntutan Perubahan Nafkah anak kali yang kedua antara pihak-pihak Plaintiff dan Defendan yang sama, Mahkamah berpendapat isu bidangkuasa adalah suatu perkara yang tidak dipertikaikan dan telah pun diselesaikan oleh Mahkamah yang mendengar kes tuntutan antara pihak-pihak sebelum ini. Bidang kuasa dan status Mahkamah Syariah telah diperuntukkan dalam Fasal 2 kepada Perkara 74 Perlembagaan Persekutuan iaitu:

“Dengan tidak menyentuh apa-apa kuasa yang diberi kepada Badan Perundangan Negeri untuk membuat undang-undang oleh mana-mana Perkara lain, Badan Perundangan Negeri boleh membuat undang-undang mengenai mana-mana perkara yang disebut dalam Senarai Negeri (iaitu Senarai Kedua yang dinyatakan dalam Jadual Kesembilan) atau Senarai Bersama.”

Jadual Kesembilan, Senarai (2) Perlembagaan Persekutuan Butiran (1), memperuntukkan:

*1. Kecuali mengenai Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang-orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, **nafkah**.....*

Mengikut peruntukan Hukum Syara' dan bidang kuasa yang diberi oleh undang-undang bertulis, jelaslah bahawa Pemerintah diberi kuasa mengkhhususkan kuasa Hakim, termasuk Hakim Syarie atau Mahkamah yang mana diketuai oleh seseorang Hakim itu. Mengenai persoalan di dalam kes ini, bidang kuasa Mahkamah Tinggi Syariah sebagai bidangkuasa asal

telah diperuntukkan di dalam subseksyen 11(3)(b)(iii) Enakmen Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001 yang menyebut:

11(3) - Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah –

- a)
- b) dalam bidangkuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding jika semua pihak dalam tindakan atau prosiding itu adalah orang Islam dan tindakan atau prosiding itu adalah berhubungan dengan –
 - (i)
 - (ii)
 - (iii) **nafkah orang-orang tanggungan**, kesahatarafan, atau penjagaan atau jagaan (hadhanah) budak-budak;

Dalam perkara perubahan perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, Seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 memperuntukkan:-

76 - Kuasa bagi Mahkamah mengubah perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak.

*“Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, **mengubah**, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, sesuatu perintah mengenai penjagaan atau **nafkah** seseorang anak, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.”*

Berdasarkan seksyen 76 EUUKI (Terengganu) 2017 di atas, sesuatu permohonan/tuntutan untuk mengubah perintah penjagaan dan nafkah seseorang anak boleh dibuat pada bila-bila masa apabila wujud salah satu dari 3 asas utama iaitu sekiranya perintah yang telah dibuat oleh Mahkamah itu telah diasaskan atas suatu pernyataan yang salah, atau diasaskan di atas fakta yang silap atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan yang berkaitan dengan penjaga dan anak tersebut. Mahkamah suka menarik perhatian semua pihak bahawa ayat dalam seksyen 76 di atas “...boleh pada bila-bila masa...” Memberi maksud bahawa Permohonan/Tuntutan perubahan perintah berhubung penjagaan dan nafkah anak boleh dibuat pada bila-bila masa selagi mana hak penjagaan dan nafkah anak itu

masih relevan, dan juga boleh dibuat lebih dari sekali atau berkali-kali walaupun tempoh antara satu tuntutan perubahan dengan yang lain adalah singkat selagi mana salah satu dari 3 asas tadi dapat dikemukakan untuk pertimbangan mahkamah sewajarnya. Mahkamah berpuashati bahawa Tuntutan Perubahan Nafkah Anak yang dibuat oleh Plaintiff terhadap Defendan ini adalah kali kedua (2) dan masih lagi termasuk dalam maksud peruntukan seksyen 76 di atas. Justeru itu, Mahkamah berpuashati mengikut peruntukan undang-undang yang berjalan kuatkuasanya di dalam negeri ini pada masa sekarang, menunjukkan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah Terengganu adalah Mahkamah yang berkompeten dan mempunyai bidangkuasa mendengar dan memutuskan tuntutan perubahan nafkah anak ini.

Seterusnya Mahkamah menganalisa fakta persoalan di dalam Tuntutan Perubahan Nafkah Anak yang difailkan oleh Plaintiff ini dan Mahkamah berpendapat ada 3 isu utama yang menjadi fakta persoalan yang perlu diputuskan iaitu ;

- Pertama : Apakah anak-anak yang menjadi isu dalam tuntutan ini masih lagi dalam tanggungan Defendan/bapa atau Defendan masih lagi bertanggung membayar nafkah ke atas anak-anak tersebut.
- Kedua : Apakah berlaku perubahan matan kepada anak-anak yang memerlukan kepada perubahan kadar nafkah yang telah difardhukan.
- Ketiga : Adakah tuntutan perubahan nafkah anak yang dituntut oleh Plaintiff ini munasabah dan dalam kemampuan Defendan? Berapakah kadar nafkah yang harus dibayar oleh Defendan?

[Fakta persoalan pertama] - Berhubung fakta persoalan pertama terdapat 2 perkara/isu yang menjadi persoalan iaitu iaitu isu pertama adakah anak-anak yang menjadi isu dalam tuntutan ini masih lagi dalam tanggungan Defendan/bapa, dan isu kedua, Adakah Defendan masih lagi bertanggung membayar nafkah ke atas anak-anak tersebut. Mahkamah terlebih dahulu melihat kepada persoalan pertama iaitu sama ada anak-anak di dalam kes ini masih mempunyai kelayakan untuk menerima nafkah daripada Defendan atau sebaliknya. Mahkamah berpuashati bahawa Sepanjang perkahwinan

Plaintif dan Defendan telah dikurniakan 5 orang cahaya mata perempuan dan merupakan subjek dalam tuntutan ini sebagaimana berikut :

1. Nor Nadzirah binti VVV (umur 24 tahun)
Tarikh Lahir X.X.1994
2. Nurul Aida binti VVV (umur 23 tahun)
Tarikh Lahir X.X.1995
3. Nurul Afiqah binti VVV (umur 17 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2001
4. Nurul Izzati binti VVV (umur 15 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2003
5. Nurul Aimi Shahira binti VVV (umur 11 tahun)
Tarikh Lahir X.X.2007

Berdasarkan kepada keterangan kedua-dua pihak Plaintif dan Defendan dan adalah tidak dipertikaikan bahawa kelima-lima orang anak itu adalah anak perempuan, dan kesemuanya masih lagi belajar dan belum berkahwin. Ini bermakna kesemua lima orang anak itu masih belum mampu untuk menanggung nafkah diri mereka sendiri dan perlu ditanggung oleh orang lain sebagaimana ketetapan dalam Hukum Syara' dan undang-undang.

Merujuk kepada buku terjemahan 'Kitab Fikah Mazhab Syafie' oleh Dr. Mustofa al-Khin, Dr. Mustofa al-Bugho & Ali asy-Syarbaji, Jilid 4 Terbitan Pustaka Salam Sdn. Bhd. halaman 731, di mana definisi nafkah telah dihuraikan seperti berikut:

"Asal makna nafkah ialah mengeluarkan atau menghabiskan. Perkataan nafkah (mengeluarkan atau menghabiskan) hanya digunakan dengan makna yang baik sahaja. Nafkah dari segi istilah ialah semua perkara yang diperlukan manusia seperti makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal. Dinamakan nafkah kerana ia dikeluarkan atau dihabiskan dengan tujuan mendapatkan keperluan di atas".

Seterusnya kewajipan nafkah kepada anak-anak telah disebut oleh Yang Arif Hakim Othman Ibrahim di dalam kes *Faridah Hanim Omar lwn. Abd Latiff Ashaari [2007] 1 CLJ (sya) m/s 443* seperti berikut:

- i. Asal bagi nafkah seseorang kanak-kanak berkemampuan baik disegi pemilikan harta atau mempunyai keupayaan bekerja. Ini bererti seseorang yang mempunyai harta yang mencukupi wajiblah melaksana tanggungjawab tersebut. Kalau tidak mempunyai harta, maka wajiblah ia bekerja bagi menanggung nafkah bagi kanak-kanak yang menjadi tanggungjawabnya.
- ii. Kanak-kanak adalah seorang yang miskin, tidak memiliki apa-apa harta dan tidak berkeupayaan bekerja. Mereka berikut dianggap sebagai tidak berkemampuan jika:
 - a) kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan yang masih kecil yang belum baligh atau pun kerana menghadapi kecacatan baik dari segi fizikal atau pun mental sekali pun ia seorang yang sudah meningkat umur baligh.
 - b) kanak-kanak perempuan yang sudah baligh tetapi belum berkahwin atau sudah berkahwin tetapi telah dicerai oleh suami. Bagaimanapun bapa boleh meminta anak-anak perempuan melakukan kerja-kerja yang tidak mendatangkan fitnah untuk menyara hidupnya.
 - c) mereka yang menuntut ilmu dianggap sebagai orang yang tidak berkemampuan. Ini adalah sekiranya kerja-kerja yang dilakukan akan menjadi halangan kepada mereka di dalam menuntut ilmu.

Berdasarkan panduan syarak di atas, jelas menunjukkan bahawa kes di hadapan Mahkamah ini menyatakan bahawa anak-anak dalam jagaan Plaintiff masih tidak berkemampuan atau lemah dalam mencari nafkah diri sendiri dan perlukan perbelanjaan untuk pelajaran, pakaian, makan minum dan kediaman.

Berhubung dengan keadaan anak-anak yang masih lagi menjadi kewajipan orang-orang yang bertanggung untuk membayar nafkah kepadanya, Seksyen 80 Enakmen Undang-

Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 ada menyatakan perkara tersebut dalam peruntukan berkenaan tempoh lamanya nafkah bagi anak-anak, yang berbunyi:-

Tempoh perintah bagi nafkah anak

80 . Kecuali –

(a)

(b)

(c) *Jika sesuatu perintah itu dibuat untuk -*

(i) *seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau janda atau balu yang, oleh sebab sesuatu hilang upaya dari segi mental atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya; atau*

(ii)

Perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur 18 tahun, tetapi Mahkaamah boleh atas permohonan oleh anak itu atau oleh seseorang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah bagi membolehkan anak itu mengikuti pelajaran atau latihan lanjut atau lebih tinggi.

Oleh itu, Mahkamah berpuashati bahawa kelima-lima anak perempuan Plaintiff dan Defendan yang menjadi subjek dalam tuntutan ini adalah masih lagi berhak dan berkelayakan untuk mendapat nafkah dari Defendan iaitu bapanya mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang.

Seterusnya, Mahkamah melihat kepada isu kedua dalam persoalan yang pertama ini; adakah Defendan masih diwajibkan atau masih bertanggung membayar nafkah anak-anaknya tersebut. Mahkamah berpandukan kitab *Kifayatul Akhyar*, juzuk kedua, di muka 93, disebut:

ومؤنة الحضانة على الأب لأنها من أسباب الكفاية كالنفقة

Yang bererti: "Pembiayaan hadanah tertanggung ke atas bapa kerana ianya adalah keperluan, iaitu samalah seperti nafkah."

Kewajipan bapa menanggung nafkah anak ini telah diperjelaskan lagi oleh Rasullullah S.A.W. melalui hadith yang bermaksud:-

“Hindun Binti Utbah datang kepada Rasulullah saw dan berkata: Sesungguhnya Abu Sufyan seorang kikir, dan beliau tidak memberi apa-apa kepadaku dan anakku melainkan aku ambil harta tanpa pengetahuannya. Apakah boleh aku berbuat demikian? Rasulullah saw menjawab: Ambillah sekadar mencukupi untuk kamu dan anak kamu”.

Berdasarkan dalil di atas, ternyata bahwa nafkah anak menjadi suatu kewajiban kepada bapa untuk menanggung nafkah anak-anak mereka. Ini berarti sekiranya nafkah itu tidak diwajibkan ke atas bapa, maka sudah tentu Rasulullah s.a.w. tidak akan menyuruh Hindun mengambil harta tersebut tanpa keizinan suaminya, Abu Sufyan. Dari segi undang-undang pula, Mahkamah di sini merujuk subseksyen 73(1) Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang berbunyi seperti berikut:

73 - Kewajipan menanggung nafkah anak.

(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian, atau suatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajiban seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

Mahkamah menegaskan bahawa Nafkah merupakan hak bagi seseorang yang merupakan salah satu dari amanah yang mesti diutamakan oleh bapa kepada anak-anak mereka mengikut pandangan Hukum Syarak. Bapa adalah orang yang paling bertanggungjawab dalam menanggung nafkah anak. Oleh itu, Mahkamah berpuashati bahawa Defendan iaitu bapa kandung adalah masih lagi bertanggungjawab membayar nafkah kepada lima anak-anak tadi mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang, di mana Defendan adalah seorang yang mukallaf, sihat tubuh badan iaitu fizikal dan mental, mempunyai pendapatan dengan bekerja dan berkemampuan untuk menanggung nafkah anak-anaknya. Mahkamah juga berpuashati

bahawa kedua-dua isu tadi tidak dipertikaikan oleh kedua-dua pihak dan menjawab fakta persoalan yang pertama ini.

[Fakta persoalan kedua] - Berhubung fakta persoalan kedua iaitu Apakah berlaku perubahan matan kepada anak-anak yang memerlukan kepada perubahan kadar nafkah yang telah difardhukan. Perubahan matan boleh dikaitkan dengan anak-anak jika tuntutan perubahan dibuat oleh anak-anak atau penjaganya, dan juga boleh dikaitkan dengan orang yang bertanggung membayar nafkah anak-anak jika tuntutan perubahan itu dibuat oleh pihak yang wajib ke atasnya membayar nafkah seperti bapa, datuk dan sebagainya. Di dalam kes ini, tuntutan adalah dibuat oleh Plaintif iaitu ibu kandung dan sekaligus penjaga yang sah kepada anak-anak tersebut, bahawa telah berlaku perubahan matan terhadap anak-anak dan suatu perubahan kadar nafkah telah berlaku dan kadar nafkah yang baru perlu diputuskan oleh Mahkamah sebagaimana tuntutan.

Kembali merujuk kepada kes ini, sebelum Mahkamah meneliti tahap kemampuan Defendan, adalah wajar Mahkamah meneliti sama ada wujudnya perubahan matan hal keadaan anak-anak dalam jagaan Plaintif. Merujuk kepada Seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017 memperuntukkan:-

76 - Kuasa bagi Mahkamah mengubah perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak. Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang ada mempunyai kepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa, mengubah, atau boleh pada bila-bila masa membatalkan, sesuatu perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.

“*Perubahan matan*” ini adalah merujuk kepada pertimbangan Mahkamah sama ada wujudnya perubahan matan terhadap hal keadaan anak-anak, atau jika terdapatnya perubahan matan, apakah keperluan terhadap perubahan matan tersebut sesuatu yang perlu dan dharuri dalam menguruskan pembesaran anak-anak. Kemudian barulah Mahkamah

akan melihat dan meneliti sama ada Defendan berkemampuan untuk menanggung perubahan perbelanjaan yang diakibatkan oleh perubahan matan hal keadaan anak-anak tersebut. Sehubungan dengan itu, Plaintiff telah memohon kepada Mahkamah ini untuk mengubah perintah Mahkamah yang telah diputuskan pada 21 Oktober 2012 berkaitan dengan nafkah anak-anak berdasarkan telah berlaku perubahan umur, tahap pendidikan dan perbelanjaan pada masa tuntutan ini dibuat. Berdasarkan keterangan Plaintiff dan Defendan serta salinan sijil kelahiran anak-anak - P1(a),P1(b), P1(c), P1(d) dan P1(e) dan adalah fakta yang tidak dipertikaikan, berikut adalah perubahan umur dan tahap pendidikan anak-anak dalam jagaan Plaintiff.

Tahun Anak	2012 Perintah 21 Okt 2012 (11100-025-0307-2011)	2015 Perintah 6 Julai 2015 (11000-025-0006-2014)	2018 Tahun Semasa
Anak Pertama T.Lahir : X.X.1994	Umur : 18 thn Pendidikan Sek Men	Umur : 21 thn Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Unisza	Umur : 24 thn Pendidikan Ijazah Sarjana (M.A) UKM
Anak Kedua T.Lahir : X.X.1995	Umur : 17 thn Pendidikan Sek Men	Umur : 20 thn Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Unisza	Umur : 23 thn Pendidikan Ijazah Sarjana Muda Unisza
Anak Ketiga T.Lahir : X.X.2001	Umur : 11 thn Pendidikan Sek Ren	Umur : 14 thn Pendidikan Sek Men	Umur : 17 thn Pendidikan Sek Men
Anak Keempat T.Lahir : X.X.2003	Umur : 9 thn Pendidikan Sek Ren	Umur : 12 thn Pendidikan Sek Ren	Umur : 15 thn Pendidikan Sek Men
Anak Kelima T.Lahir : X.X.2007	Umur : 5 thn Pendidikan Pra Sek	Umur : 8 thn Pendidikan Sek Ren	Umur : 11 thn Pendidikan Sek Ren

Berhubung dengan perubahan umur, sudah pasti dengan berlalunya masa, maka semakin meningkat usia anak-anak tersebut sebagaimana dalam carta di atas tadi iaitu setelah berlalu tempoh hampir 5 tahun setelah perintah perubahan Nafkah kali pertama dibuat oleh Mahkamah pada tahun 2012. Dengan meningkatnya usia, maka keperluan bagi anak-anak tersebut juga adalah berubah dan berkemungkinan meningkat dari segi kuantiti dan

kualitinya contohnya makanan dan pakaian serta keperluan diri untuk seorang anak perempuan yang berumur 10 tahun adalah tidak sama dengan keperluan seorang anak perempuan yang berusia 15 tahun dan seterusnya. Berhubung dengan perubahan pendidikan/pembelajaran pula, setelah diteliti anak pertama dan anak kedua, sebelum ini iaitu semasa Perintah Perubahan Nafkah kali pertama oleh Mahkamah pada tahun 2012 adalah masih berada di alam persekolahan, namun kini kedua-duanya telah berada di peringkat pengajian tinggi. Begitu juga anak ketiga dan keempat sebelum ini berada di sekolah rendah dan sekarang sudah berada di sekolah menengah. Bahkan anak kelima juga telah memasuki alam persekolahan. Mahkamah berpendapat dengan wujudnya perubahan-perubahan dalam 2 perkara di atas tadi, maka sudah tentu akan mengakibatkan berlaku perubahan dalam perbelanjaan harian dan juga kos pendidikan anak-anak. Dengan ini, Mahkamah dapati memang telah wujudnya perubahan matan kepada hal keadaan anak-anak tersebut. Namun begitu, Mahkamah akan mengambil kira perubahan matan tersebut berdasarkan kepada keperluan *dharuri* terhadap jumlah perbelanjaan harian anak-anak tersebut dan juga kemampuan Defendan sebagai bapa.

Mahkamah seterusnya menganalisis perbelanjaan-perbelanjaan yang disenaraikan oleh Plaintif melalui keterangannya kepada Mahkamah dan juga berdasarkan kepada hujahan bertulis Peguam Syarie Plaintif sebagaimana berikut :

Anak Pertama – Menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

i.	Makan minum (RM25 x 30 hari)	RM750.00
ii.	Sewa rumah	RM150.00
iii.	Minyak kereta	RM300.00
iv.	Peralatan belajar / kajian dan sebagainya	RM100.00
	Jumlah	<u>RM1300.00</u>

Anak Kedua - Menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

i.	Makan minum (RM25 x 30 hari)	RM750.00
ii.	Sewa rumah	RM150.00
iii.	Sewa kereta	RM40.00
iv.	Pakaian	RM200.00
v.	Internet & handphone card	RM100.00
	Jumlah	<u>RM 1240.00</u>

Anak Ketiga – Sek Men Agama Marang (Tingkatan 5)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM5.00 x 22 hari)	RM110.00
ii.	Makan pagi (RM7.00 x 30 hari)	RM210.00
iii.	Minum petang dan malam (RM18.00 x 30 hari)	RM540.00
iv.	Pakaian	RM200.00
v.	Internet	RM80.00
vi.	Bil telefon	RM180.00
vii.	Tuisyen	RM130.00
	Jumlah	<u>RM1420.00</u>

Anak Keempat – Sek Men Tengku Lela Segara Marang (Tingkatan 3)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM5.00 x 22 hari)	RM110.00
ii.	Makan pagi (RM7.00 x 30 hari)	RM210.00
iii.	Minum petang dan malam (RM18.00 x 30 hari)	RM540.00
iv.	Pakaian	RM200.00
v.	Bil telefon	RM150.00
	Jumlah	<u>RM1210.00</u>

Anak kelima – Sek Keb Rhu Rendang, Marang (tahun 5)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM4.00 x 22 hari)	RM 88.00
ii.	Makan pagi (RM7.00 x 30 hari)	RM210.00
iii.	Minum petang dan malam (RM18.00 x 30 hari)	RM540.00
iv.	Pakaian	RM200.00
v.	Peralatan sekolah dan lain-lain	RM200.00
vi.	Tuisyen	RM70.00
	Jumlah	<u>RM1308.00</u>

Setelah diteliti, Mahkamah mendapati bahawa perbelanjaan seperti makan, minum untuk setiap anak di atas adalah tidak melibatkan pertambahan kepada perubahan matan yang berlaku terhadap anak-anak tersebut kerana perkara tersebut adalah perkara *dharuri* yang sama yang telah diambil kira semasa keputusan yang telah dibuat dalam Perintah perubahan nafkah sebelum ini. Manakala perkara di item iv (peralatan belajar / kajian dan sebagainya) bagi anak pertama ada berlaku perubahan perbelanjaan terhadap perubahan matan iaitu anak pertama ini berada di sekolah menengah pada masa perintah 2012 tersebut dikeluarkan dan seterusnya melanjutkan pengajian di peringkat ijazah pada tahun 2015. Begitu juga item v (peralatan sekolah dan lain-lain) bagi anak kelima ada berlaku perubahan perbelanjaan terhadap perubahan matan iaitu anak kelima ini belum bersekolah (pendidikan pra sek) yang berumur 5 tahun pada masa Perintah 2012 tersebut dikeluarkan dan berumur 8 tahun dan sudah bersekolah (tahun 2) pada tahun 2015. Dengan ini, mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa perubahan perbelanjaan dalam perubahan matan tersebut berlaku.

Dalam hal ini, pembuktian wujudnya perubahan matan pada anak-anak itu adalah menjadi tugas Plaintiff iaitu si ibu yang menjaga anak-anak tersebut, kerana ibulah sebagai penjaga yang sah yang mengetahui hal keadaan sebenar tentang perubahan perbelanjaan tersebut. Mahkamah merujuk kepada Seksyen 72 Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Terengganu) 2001:

“Beban untuk mengemukakan keterangan dalam sesuatu kes mal terletak pada orang yang mengatakan atau menegaskan sesuatu fakta (al-mudda’ii) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (al-Muda’a ‘alaih).”

Manakala seksyen 73 enakmen yang sama menjelaskan lagi hal ini bahawa :

(1) Sesiapa yang berhasrat supaya mana-mana Mahkamah memberikan penghakiman tentang apa-apa hak atau tanggungan di sisi undang-undang yang bergantung kepada kewujudan fakta yang ditegaskan olehnya, mestilah membuktikan bahawa fakta itu wujud.

(2) Apabila seseorang terikat untuk membuktikan kewujudan apa-apa fakta, maka dikatakan bahawa beban membuktikan terletak pada orang itu.

Seterusnya Seksyen 75 enakmen yang sama juga telah memperuntukkan sebagaimana berikut:

“Beban membuktikan tentang apa-apa fakta tertentu terletak pada orang yang berkehendakkan mahkamah mempercayai tentang kewujudan fakta itu.”

Selain itu mahkamah juga merujuk kepada kes-kes terdahulu, antaranya di dalam kes **Noriah lwn Mat Ali, (1984) 5 (i) JH 206**, dalam kes tersebut mahkamah kadi Kuala Terengganu telah memutuskan sabit permohonan Plaintiff untuk mengubah perintah nafkah anak yang diputuskan sebelumnya, iaitu pada tahun 1978 di mahkamah yang sama apabila mahkamah berpuashati bahawa telah berlaku perubahan material terhadap hal keadaan anak-anak apabila pada masa perintah itu dikeluarkan pada tahun 1978, 3 orang anak baru berusia masing-masing 4, 7 dan 8 tahun. Sewaktu tuntutan perubahan perintah itu dibuat pada tahun 1984, usia anak-anak telah meningkat kepada 8, 13 dan 14 tahun. Plaintiff telah membuktikan bahawa dua orang anak telah memasuki sekolah menengah dan seorang anak telah mula belajar di sekolah rendah dan fakta ini diakui oleh Defendan.

Kembali merujuk kepada kes ini, Plaintiff melalui keterangannya dan dokumen salinan sijil kelahiran anak-anak yang telah dikemukakan kepada Mahkamah telah berjaya memuaskan Mahkamah bahawa perubahan matan terhadap hal keadaan anak-anak itu telah berlaku dari segi perubahan umur dan tahap pendidikan. Perubahan matan terhadap hal keadaan anak-

anak ini membawa kepada penambahan kepada perbelanjaan nafkah anak-anak tersebut. Walaupun begitu, Mahkamah berpendapat Plaintif gagal dalam membuktikan perkara-perkara yang telah dimasukkan oleh Plaintif dalam senarai perbelanjaan bagi kelima-lima anak tersebut semasa perbicaraan, terutama berkaitan perbelanjaan-perbelanjaan lain selain dari perbelanjaan makan, minum untuk harian dan pada waktu-waktu persekolahan. Mahkamah suka menegaskan bahawa sesuatu tuntutan yang melibatkan perubahan yang besar atau tinggi semestinya juga memerlukan suatu keterangan atau pembuktian yang besar/tinggi juga. Justeru itu, dalam penghakiman ini Mahkamah lebih banyak atau cenderung kepada perbelanjaan diri/harian bagi anak-anak tersebut.

[Fakta persoalan ketiga] - Berhubung *fakta persoalan ketiga* iaitu Adakah tuntutan perubahan nafkah anak yang dituntut oleh Plaintif ini munasabah dan dalam kemampuan Defendan? Berapakah kadar nafkah yang harus dibayar oleh Defendan? Isu seterusnya yang perlu diberi perhatian oleh mahkamah ini sebelum memutuskan sama ada wajar atau tidak nafkah anak sebanyak RM2000.00 untuk lima (5) orang anak tersebut diubah kepada jumlah RM6000.00 sebulan bagi lima (5) orang anak, Mahkamah haruslah melihat kepada kemampuan si bapa untuk membiayai nafkah anak-anak tersebut. Begitu juga dengan tuntutan perubahan bayaran perbelanjaan persekolahan, yuran persekolahan dan perbelanjaan hari raya. Mahkamah pertama-tamanya merujuk kepada peruntukan di dalam Hukum Syara'. Allah s.w.t. telah berfirman dalam Surah al-Baqarah ayat 233:

وَالْوَالِدَاتُ يُرْضِعْنَ أَوْلَادَهُنَّ حَوْلَيْنِ كَامِلَيْنِ ۖ لِمَنْ أَرَادَ أَنْ يُنَمِّمَ الرِّضَاعَةَ ۗ وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۗ لَا تُكَلَّفُ نَفْسٌ إِلَّا وُسْعَهَا ۗ لَا تُضَارَّ وَالِدَةٌ بِوَلَدِهَا وَلَا مَوْلُودٌ لَهُ بِوَالِدِهِ ۗ وَعَلَى الْوَارِثِ مِثْلُ ذَلِكَ ۗ

Maksud: *Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidakkah diberatkan seseorang melainkan menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya, dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa*

itu menderita kerana anaknya; dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada).

Persoalan kemampuan juga dinyatakan dalam Al-Quran, Surah Al-Talaq Ayat 7, yang mana Allah SWT berfirman:-

لِيُنْفِقْ ذُو سَعَةٍ مِّن سَعَتِهِ ۖ وَمَن قُدِرَ عَلَيْهِ رِزْقُهُ فَلْيُنْفِقْ مِمَّا آتَاهُ اللَّهُ ۚ لَا يَكْلَفُ اللَّهُ
نَفْسًا إِلَّا مِمَّا آتَاهَا ۚ سَيَجْعَلُ اللَّهُ بَعْدَ عُسْرٍ يُسْرًا

Bermaksud: *Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya, dan sesiapa yang disempitkan rezekinya, maka hendaklah memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar mampu), Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang di dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.*

Berdasarkan nas-nas yang disebutkan di atas, jelas bahawa mengikut peruntukan Hukum Syara', bapa wajib menanggung nafkah anak bagi anak-anaknya dan diukur berdasarkan kadar kemampuannya.

Merujuk kepada dokumen tambahan Defendan iaitu salinan slip gaji bulanan Defendan yang disertakan di dalam Ikatan Dokumen Tambahan Defendan di muka surat 1 (*Eksibit D20*) membuktikan bahawa Defendan (bapa) adalah seorang pekerja di XXXX Sdn. Bhd. dengan gaji bersih pada Julai 2017 berjumlah **RM 16,537.70** dengan potongan berjumlah **RM 7681.30** (Gaji kasar Defendan sebanyak RM 24,219.00 sebulan). Defendan juga dalam keterangannya kepada Mahkamah memberitahu bahawa mempunyai pendapatan tambahan yang lain sebagaimana berikut :

- | | |
|--|------------|
| a) Pengeluaran KWSP untuk bayaran pinjaman perumahan | RM 2344.00 |
| b) Pendapatan sewa kedai daripada KONIKA MINOLTA (tingkat bawah) | RM 1850.00 |
| c) Pendapatan sewa kedai daripada En. Woon (tingkat bawah) | RM 800.00 |

JUMLAH

RM 4994.00

Jumlah pendapatan keseluruhan Defendan sebagaimana yang diakui oleh Defendan sendiri ketika disoal balas oleh Peguam Plaintiff ialah sebanyak RM 21,531.70 sebulan setelah ditolak potongan-potongan wajib dalam slip pendapatan dan dicampur pendapatan tambahan sebagaimana di atas tadi.

Seterusnya Mahkamah merujuk kepada tanggungan atau liabiliti perbelanjaan Defendan iaitu *ekshibit D31*, muka surat 20 hingga 21 ikatan dokumen tambahan Defendan yang berjumlah RM22 991.77 iaitu melebihi pendapatan bulanan RM 21,531.70 yang merupakan defisit sebanyak RM 1460.00. Walau bagaimana pun, Mahkamah dapati terdapat beberapa perbelanjaan yang dinyatakan oleh Defendan tersebut dipertikaikan oleh pihak Plaintiff dan Pihak Defendan tidak mengemukakan sebarang keterangan lanjut bagi menyokong pernyataannya itu. Antara perbelanjaan Defendan yang dipertikaikan oleh Plaintiff sebagaimana berikut; (rujuk m/s 15 & 16 Penghujahan bertulis Plaintiff)

1. Perbelanjaan 3 orang anak-anak Defendan dengan isteri sekarang iaitu

- | | | |
|------|---|--------|
| i. | (Bil. 9) - Ahmad Ammar Amsyar (Darjah 4) | RM 400 |
| ii. | (Bil. 10) - Ahmad Ammar Aqif (Darjah 2) | RM 400 |
| iii. | (Bil. 11) - Ahmad Ammar Adeeb (2 tahun) | RM 400 |

Anak-anak dengan perkahwinan baru Defendan tersebut diperuntukkan belanja sebanyak RM 400 seorang x 3 =RM 1,200 sebulan. Padahal Ahmad Ammar Amsyar dalam Darjah 4, Ahmad Aqiff dalam darjah 2 dan Ahmad Adib berumur 2 tahun. Plaintiff menyatakan dalam hujahnya bahawa Fakta kelainan umur ini sewajarnya memerlukan perbelanjaan yang berbeza dan tidak sewajarnya perbelanjaan dinyatakan sama rata sebanyak RM400.00 seorang. Lagipun Defendan gagal memperincikan secara terperinci justifikasi perbelanjaan bagi tiap-tiap anak tersebut ke tahap RM400.00 seorang.

2. (Bil. 8) - Duit perbelanjaan keluarga Defendan sebanyak RM2,000.00 sebulan.

Plaintif dalam hujahnya juga menyatakan Defendan gagal menyenaraikan butiran belanja keluarga apakah perbelanjaan yang patut bagi perbelanjaan keluarga tersebut sehingga mencecah RM2,000.00 sebulan.

3. (Bil. 18) - Personal Loan Defendan

(BIMB 1301 7028 3167-82) RM2,050.00 sebulan

Plaintif menyatakan dalam hujahnya bahawa Defendan gagal memperincikan apa tujuan secara terperinci keperluan pinjaman dibuat dan gagal memanggil saksi untuk mengesahkan pinjaman tersebut, samada benar wujud pinjaman ini dan masih lagi berjalan pembayaran balik potongan pinjaman peribadi ini. Ini memerlukan pengesahan daripada pihak bank yang berkenaan khususnya.

4. (Bil. 19) - Personal Loan Defendan atas nama XXXX

(BIMB 13017020261459) RM1,000.00 sebulan

Plaintif menyatakan bahawa Defendan dalam keterangannya dikatakan menggunakan nama kakak Defendan bernama XXXX untuk pinjaman RM100,000.00 bagi keperluan Defendan iaitu untuk membuat rumah Defendan, yang mana rumah itu Defendan beritahu dibuat dengan harga RM 550,000. Defendan menyatakan bahawa dia membayar balik wang pinjaman itu dengan cara membayar untuk kereta Avanza (milik XXXX) sebanyak RM700.00 sebulan dan baki RM300.00 lagi dibayar balik secara terus kepada kakaknya XXXX. Plaintif dalam hujahnya menyatakan kesemua ini gagal dibuktikan oleh Defendan dengan mengemukakan dokumen pinjaman dan memanggil kakaknya yang bekerja sebagai guru untuk hadir mengesahkan pinjaman dan pembayaran balik tersebut.

5. Perbelanjaan Kereta Axia No. Pendaftaran TBV 1111 RM400.00 sebulan

Plaintif Juga mempertikaikan perbelanjaan ini kerana kereta tersebut tidak digunakan untuk anak kedua dan sebaliknya digunakan oleh Defendan bersama-sama dengan

keretanya yang sedia ada iaitu Toyota Camry dan Proton Inspira. Jadi, Plaintif di dalam hujanya menyatakan perbelanjaan RM400.00 setiap bulan ini adalah tidak perlu dan tiada usaha untuk melupuskan pembayaran/pembelian kereta tersebut.

Seterusnya Mahkamah berpendapat tidak ada sebarang pernyataan yang membuktikan mengikut Hukum Syara' dan Undang-Undang bahawa Defendan termasuk dalam kategori tidak wajib atau tidak mampu membayar nafkah anak. Bahkan Mahkamah berpendapat Defendan adalah seorang yang mempunyai kerjaya yang baik dan stabil serta mempunyai pendapatan yang tinggi melebihi RM 20k sebulan, dan mempunyai kehidupan yang boleh dikatakan mewah. Perkara ini boleh dilihat kepada keterangan Defendan yang menyatakan bil letrik bulanan rumahnya antara RM950 – RM 1000 lebih, dan antaranya bil letrik dan bil air bulanan rumah Defendan yang didiami bersama keluarga sekarang sahaja mencecah RM12000 sebulan (rujuk *ekshibit D31*, muka surat 20 hingga 21 ikatan dokumen tambahan Defendan dalam terma no.1), tanggungan bayaran bulanan beberapa buah kenderaan dalam satu masa, dan komitmen yang lain lagi. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat Defendan adalah seorang yang berpendapatan tetap dan ada kemampuan sekadar baginya pada pandangan Mahkamah untuk menyediakan nafkah dan wajib menanggung nafkah anak bagi anak-anaknya.

Mengenai *isu seterusnya* yang juga menjadi persoalan di dalam tuntutan ini ialah *penentuan kadar nafkah anak yang perlu dibayar oleh Defendan*. Mengenai isu ini, bagi maksud menaksirkan kadar nafkah anak, Mahkamah merujuk seksyen 62 Enakmen Undang-Undang Pentadbiran keluarga Islam (Terengganu) 2017 yang memperuntukkan:

62 - *Pentaksiran nafkah.*

Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan tidak mengira kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Dalam menjelaskan kadar nafkah anak yang wajib ditanggung oleh pihak yang diwajibkan menanggungnya, Dr. Wahbah Az-Zuhaili di dalam kitabnya, 'Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu', juzuk kesembilan, terbitan Darul Fikr, Damsyek, cetakan ketiga, 1989M/1409H, halaman 828, menyebut;

اتفق الفقهاء على أن نفقة القريب من ولد و ولد ولد مقدره بقدر الكفاية من الخبز والأدم والمشرب والكسوة والسكنى والرضاع إن كان رضيعا على قدر حال المنفق وعوائد البلاد ؛ لأنها وجبت للحاجة, فتقدر بقدر الحاجة, وقد قال النبي صلى الله عليه وسلم لهند : "خذي ما يكفيك وولدك بالمعروف" فقدر نفقتها ونفقة ولدها بالكفاية.

وإن احتاج الولد المنفق عليه إلى خادم يخدمه, فعلى الوالد إعدامه ؛ لأنه من تمام كفايته

Maksudnya :

'Para fuqaha bersependapat bahawa sesungguhnya nafkah kerabat yang terdiri daripada anak, dan anak kepada anak (cucu) ditetapkan dengan kadar yang mencukupi keperluan mereka, merangkumi roti atau bahan-bahan pelengkap bagi makanan, minuman, pakaian, tempat tinggal dan penyusuan sekiranya dia masih menyusu. Ia adalah mengikut kemampuan pembiayaan dan kebiasaan setempat kerana ia diwajibkan dengan sebab keperluan. Nabi s.a.w. telah bersabda kepada Hindun, yang bermaksud, "Kamu bolehlah ambil dari harta Abu Sufyan itu bagi mencukupi nafkah kamu dan anak kamu dengan sebaiknya." Oleh yang demikianlah ia diukur dengan kadar keperluan. Nabi s.a.w telah bersabda kepada Hindun "Ambillah apa yang mencukupi bagi dirimu dan anak-anakmu secara yang sepatutnya/baik", oleh itu kadar nafkah ke atasnya dan anak-anaknya itu adalah kadar mencukupi keperluan. 'Andainya anak yang dibiayai itu memerlukan khadam (orang suruhan) yang akan membantunya dalam segala keperluannya, maka adalah menjadi kewajiban bapa menyediakan khadam berkenaan itu kerana ia adalah merupakan antara ciri-ciri penyempurnaan kepada keperluan anak berkenaan itu.'

Dalam menjelaskan peruntukan Hukum Syara' di atas, seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017, memperuntukkan;

(1) Kecuali jika sesuatu perjanjian, atau suatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka adalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.

(2) Kecuali seperti tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggung di bawah Hukum Syara', supaya menanggung nafkah, atau memberi sumbangan kepada nafkah, kanak-kanak, jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Cara tanggungan nafkah itu dibuat mengikut peruntukan undang-undang di atas adalah seperti berikut:

- i. sama ada dengan mengadakan bagi anak-anak itu tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya; atau
- ii. dengan cara membayar kos bagi tempat tinggal anak itu, pakaian, makanan, perubatan dan pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya.

Mahkamah berpendapat adalah sangat jelas mengikut undang-undang bahawa, penaksiran kadar nafkah anak adalah mengikut peruntukan seksyen 73 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Terengganu) 2017.

Daripada peruntukan Hukum Syara' dan peruntukan undang-undang yang sedang berjalan kuat kuasanya pada hari ini, sebagaimana yang dinyatakan di atas, Mahkamah berpendapat butir taksiran nafkah seseorang anak sudah jelas. Mahkamah suka menyatakan di sini bahawa ada antara perkara-perkara yang diperlukan oleh anak-anak itu adalah merupakan keperluan asas, ada yang dalam keadaan untuk kemudahannya dan ada juga dalam bentuk kemewahan baginya. Berdasarkan nas-nas Syara' dan Undang-Undang di atas tadi, perkara yang menjadi keperluan sebenar bagi anak-anak adalah yang perlu diberi keutamaan terlebih dahulu, manakala yang lainnya adalah bergantung pula kepada kemampuan bapa atau pembiaya pula.

Oleh yang demikian di dalam kes ini, Mahkamah akan adunkan kos keperluan dan perbelanjaan tiap-tiap orang anak Defendan sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf

kehidupannya dengan kemampuan kewangan Defendan. Mahkamah harus melihat tentang keperluan anak-anak dan taraf kehidupan, ini disebabkan keperluan anak-anak menjadi tanggungjawab bapa.

Dalam hujahan Peguam Plaintiff di muka surat 6 hingga 8 anggaran bahawa tuntutan yang dibuat adalah lebih kurang RM1200.00 sebulan untuk seorang anak. Maka Defendan dituntut untuk membayar perubahan nafkah bagi 5 orang anak adalah sebanyak RM6000.00. Mahkamah berpuashati tentang wujudnya perubahan matan mengenai hal keadaan anak-anak, dan mahkamah juga berpuashati mengenai kedudukan kewangan Defendan dalam menanggung penambahan nafkah yang diminta oleh Plaintiff, maka mahkamah perlu merujuk pula kepada perbelanjaan-perbelanjaan yang menjadi keperluan kepada anak-anak tersebut. Mengenai perbelanjaan mengikut keperluan ini, Mahkamah merujuk kepada 'Sohih Al-Bukhari', jilid yang ketiga, juzuk yang ketujuh, halaman 85, *kitab Al-Nafaqat* ada menyebut;

أن هند بنت عتبة قالت يا رسول الله إن أبا سفيان رجل شحيح وليس يعطيني ما يكفيني وولدي إلا ما أخذت منه وهو لا يعلم فقال خذى ما يكفيك وولدك بالمعروف

Terjemahannya :

"Diriwayatkan bahawa Hindun binti 'Utbah, isteri Abu Sufyan telah mengadu kepada Rasulullah S.A.W. bahawa suaminya, Abu Sufyan adalah lelaki kedekut dengan dia tidak memberi nafkah yang cukup kepada isterinya itu dan anaknya hingga menyebabkan Hindun mengambil sendiri dari harta Abu Sufyan tanpa pengetahuan Abu Sufyan bagi mencukupi nafkah kedua-duanya, lalu Rasulullah S.A.W. bersabda kepada Hindun, " Kamu bolehlah ambil dari harta Abu Sufyan itu bagi mencukupi nafkah kamu dan anak kamu dengan sebaiknya."

Daripada hadis ini dapat disimpulkan bahawa perbelanjaan mengikut keperluan ini adalah bermaksud tidak wajib berlebih sangat atau sampai kepada kemewahan yang berlebihan. Selain daripada makan minum dan pakaian termasuk juga perubatan, persekolahan dan sebagainya. Dalam kes ini, dalam menentukan perbelanjaan-perbelanjaan yang menjadi keperluan kepada anak-anak tersebut, mahkamah ingin mengulas kembali perbelanjaan anak-anak tersebut sebagaimana yang telah Plaintiff senaraikan di atas.

Perkara i) makan minum RM750.00 x 5 orang anak = RM3750.00

Perkara ii) tempat tinggal RM150 x 2 orang anak (anak pertama dan kedua) = RM300.00

Perkara iii) pakaian RM200 x 5 orang anak = RM1000.00

Perkara iv) bayaran sewa kereta (anak kedua) = RM40.00 dan bil telefon (anak ketiga dan keempat) = (RM180.00 + RM150.00 = RM330.00)

Mahkamah berpandangan bahawa jumlah yang ditetapkan dengan kiraan setiap orang anak adalah tinggi sedangkan keperluan makanan bagi anak ketiga, keempat dan kelima yang diperlukan adalah dikira bersama memandangkan anak-anak tersebut masih tinggal bersama dan tidak tinggal berasingan dengan Plaintiff. Perkara ini diakui sendiri oleh Plaintiff ketika memberi keterangan kepada Mahkamah. Seterusnya jumlah perbelanjaan membeli pakaian yang ditetapkan oleh Plaintiff terhadap anak-anak juga pada pandangan Mahkamah adalah tinggi kerana kebiasaannya, pakaian yang diperlukan tidak akan dibeli setiap bulan. Mahkamah juga melihat jumlah perbelanjaan terhadap bayaran sewa kereta (anak kedua) dan bil telefon (anak ketiga dan keempat) yang ditetapkan oleh Plaintiff terhadap anak-anak adalah bersifat mewah sekiranya diambilkira kedudukan anak-anak Plaintiff yang boleh dikategorikan sebagai kurang berada dan bukan dari kategori yang mewah kerana perkara tersebut bukan berbentuk keperluan tetapi lebih kepada kehendak.

Memandangkan kedudukan fakta yang sedemikian, Mahkamah merujuk kepada kes *Maryam Abdullah lwn Hithir Rashid (2006) 1 CLJ 136*, di mana dalam kes ini Plaintiff telah menuntut kenaikan nafkah anak terhadap Defendan (suami) daripada RM200.00 kepada RM1000.00 sebulan. YA Hakim Mahkamah Tinggi Selangor pada halaman 145 kes tersebut menyatakan :

“Kerana anak-anak makin membesar dan perlu belanja persekolahan seperti yuran di mana anak pertama bersekolah di Sek Men Kajang dalam tingkatan 2 dan anak kedua dalam darjah 4 di Sekolah Kebangsaan. Selain yuran, perbelanjaan makan dan pakaian juga diperlukan oleh anak-anak.”

Manakala di para 27 kes tersebut :

“Mahkamah dapati kedua-dua anak masih kecil dan memerlukan kepada nafkah kerana masih bersekolah dan belum mampu mencari nafkah sendiri sementara Defendan sebagai bapa ada pendapatan tetap serta boleh berusaha mencari nafkah untuk diri dan anak. Mahkamah berpendapat Defendan adalah dalam golongan yang berpendapatan sederhana. Ini merujuk kepada Kitab al-Fiqh Al-Islam Wa Adillatuhu, oleh Dr Wahbah al-Zuhaili, juzuk 10, ms 7412, cetakan Dar al-Fikri, Damsyik, terjemahan bertajuk Fiqh & Perundangan Islam Jilid VII, oleh Ahmad Sobri Salamon, Dewan Bahasa Dan Pustaka Kuala Lumpur 2001, halaman 1012 iaitu :

1. *Usul mesti berkemampuan membiayai nafkah dengan mempunyai kemudahan kewangan atau mampu bekerja.*
2. *Anak fakir yang tidak mempunyai harta dan tidak mempunyai harta.*

Dalam kes ini YA Hakim Mahkamah Tinggi Selangor telah memfardhukan perubahan nafkah anak dinaikkan daripada RM200.00 kepada RM600.00 sebulan ke atas Defendan.

Kembali merujuk kepada kes di hadapan saya ini, Mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa kos keperluan untuk perbelanjaan makanan, minuman dan pakaian adalah tidak kurang dari RM500.00 seorang anak untuk sebulan pada tiap-tiap bulan. Setelah menimbangkan kedudukan kewangan Defendan dan pendapatan bulanan Defendan serta latar belakang kehidupan berkeluarga Defendan, Mahkamah memfardhukan perubahan nafkah anak dinaikkan daripada RM2000.00 kepada RM2500.00 bagi 5 orang anak ($RM500 \times 5 = RM2500$). Ini bermakna nilai kos bagi nafkah diri anak-anak Defendan yang telah diberi hak hadanahnya kepada Plaintiff adalah sebanyak RM 500.00 sebulan untuk seorang anak. Perkiraan nafkah bagi setiap orang anak adalah seperti berikut;

Anak Pertama – Menuntut di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

i.	Makan minum (RM15 x 30 hari)	RM450.00
ii.	Lain-lain keperluan dan sebagainya	RM 50.00
	Jumlah	RM500.00

Anak Kedua - Menuntut di Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)

i.	Makan minum (RM15 x 30 hari)	RM450.00
ii.	Lain-lain keperluan dan sebagainya	RM 50.00
	Jumlah	RM500.00

Anak Ketiga – Sek Men Agama Marang (Tingkatan 5)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM5.00 x 22 hari)	RM110.00
ii.	Makan pagi, tengahari dan malam (RM12.00 x 30 hari)	RM360.00
iii.	Lain-lain	RM 30.00
	Jumlah	RM500.00

Anak Keempat – Sek Men Tengku Lela Segara Marang (Tingkatan 3)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM5.00 x 22 hari)	RM110.00
ii.	Makan pagi, tengahari dan malam (RM12.00 x 30 hari)	RM360.00
iii.	Lain-lain	RM 30.00
	Jumlah	RM500.00

Anak kelima – Sek Keb Rhu Rendang, Marang (tahun 5)

i.	Belanja sekolah / duit poket (RM4.00 x 22 hari)	RM 88.00
ii.	Makan pagi, tengahari dan malam (RM12.00 x 30 hari)	RM360.00
iii.	Lain-lain	RM 52.00
	Jumlah	RM500.00

JUMLAH KESELURUHAN

RM 2500.00

Jika diamati, Jumlah nafkah diri anak-anak yang difardhukan oleh Mahkamah ini adalah dalam lingkungan 10% - 12% peratus daripada pendapatan bulanan Defendan. Bayaran bagi nafkah anak pertama dimasukkan terus ke dalam akaun anak pertama. Manakala bayaran nafkah bagi anak kedua, ketiga, keempat dan kelima dibayar melalui akaun anak kedua.

Kemudian, berhubung yuran pengajian bagi anak pertama dan anak kedua, Plaintiff menuntut bayaran sebanyak RM7000.00 setahun. Menurut Defendan dalam keterangannya kepada Mahkamah bahawa bayaran tersebut adalah termasuk dalam pembiayaan pengajian atau pinjaman pelajaran masing-masing. Maka bayaran yuran pengajian ini tidak wajar untuk diletakkan dalam jumlah tertentu kerana ia termasuk dalam pembiayaan pengajian. Di sini Mahkamah merujuk kepada Salinan perjanjian pinjaman Sultan Ismail Nasiruddin Shah (Yayasan Terengganu) bagi anak pertama sebanyak RM11,000 sepanjang 3 tahun pengajian - **ID5** dan salinan surat tawaran pembiayaan PTPTN bagi anak kedua sebanyak RM26,000 sepanjang tempoh 4 tahun pengajian - **ID6** Plaintiff ketika soal balas peguam Defendan ada memberitahu bahawa yuran pengajian ada ditolak dari Yayasan untuk anak pertama dan yuran ditolak dari PTPTN untuk anak kedua. Walaubagaimana pun, bayaran-bayaran lain seperti

kos penginapan dan pengangkutan adalah tanggungan sendiri dan tidak dibiayai oleh pinjaman. Seterusnya Defendan ada menyatakan bahawa jika sekiranya anak-anak memerlukan perbelanjaan tambahan mereka boleh terus berhubung dengan Defendan. Oleh yang demikian, Mahkamah berpendapat dan berpuas hati yuran pengajian anak pertama dan anak kedua hendaklah ditanggung oleh Defendan termasuk yuran belajar, sewa penginapan dan lain-lain kos yang melibatkan pengajian. Manakala jumlah tanggungan tersebut adalah berdasarkan kepada makluman oleh anak sendiri kepada Defendan dari semasa ke semasa kerana kadarnya tidak dapat ditentukan secara lebih awal dan bayaran hendaklah dibuat melalui akaun anak pertama dan kedua. Mahkamah membuat perintah dalam perkara ini berdasarkan penyata tuntutan Plaintif yang menuntut kepada Mahkamah supaya membuat perintah dalam “apa-apa relief yang difikirkan patut oleh Mahkamah”.

Berhubung dengan 2 buah kereta yang dibeli oleh Defendan, berdasarkan keterangannya, Defendan telah membeli sebuah kereta AXIA Nombor pendaftaran VAF 111 (kereta baru) untuk kegunaan anak yang pertama kerana anak itu memerlukan kenderaan untuk ulang-alik dari tempat tinggal ke tempat belajar dan sekarang kereta tersebut digunakan oleh anak yang pertama itu. Defendan membayar ansuran kereta itu sebanyak RM 395.00 sebulan. Seterusnya Defendan menyatakan telah membeli sebuah kereta lagi jenis AXIA juga nombor pendaftaran TBV 1111 (kereta baru) untuk kegunaan anak kedua praktikal tetapi Defendan menyatakan bahawa Plaintif tidak membenarkan anak kedua menggunakan kereta itu dan sekarang berada dengan Defendan. Untuk kereta kedua ini Defendan membayar ansuran RM 399.00 sebulan. Mahkamah berpendapat bahawa kedua-dua kenderaan itu adalah berbentuk kemudahan atau kemewahan bagi anak-anak dan satu pelaksanaan tanggungjawab yang amat baik oleh Defendan kepada anak-anaknya, untuk memastikan keselamatan dan keselesaan. Mahkamah berpendapat bahawa pelaksanaan tanggungjawab yang baik oleh Defendan untuk anak pertama dan kedua itu tidak melepaskan Defendan dari perlu menanggung keperluan-keperluan diri anak-anak yang lebih diutamakan.

Seterusnya Plaintif menuntut perbelanjaan awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sebanyak RM3000.00 setahun, yang mana perkara ini tidak dibuat perubahan dalam Perintah Mahkamah tahun 2012 dahulu. Setelah diteliti kepada fakta dalam kes ini, Mahkamah memfardhukan perubahan perbelanjaan awal persekolahan sebanyak RM1,000.00 untuk 5 orang anak diubah dan dinaikkan kepada RM1200.00 tetapi untuk tiga orang anak sahaja iaitu anak ketiga, keempat dan kelima, memandangkan anak pertama dan kedua telah tamat persekolahan dan ada mendapat

pinjaman/bantuan di peringkat pengajian tinggi dan dibuat perintah secara berasingan bagi maksud pengajian mereka. Mahkamah berpendapat berlaku perubahan perbelanjaan dalam perubahan matan yang ketara terhadap anak kelima kerana anak ini belum bersekolah (pendidikan pra sek) pada masa Perintah 2012 tersebut dibuat dan pada tahun 2015, anak ini telah bersekolah (tahun 2). Dengan ini, mahkamah berpuas hati dan berpendapat bahawa perubahan perbelanjaan akibat daripada perubahan matan tersebut berlaku. Sehubungan dengan itu, Mahkamah berpuas hati nilai kos belanja awal persekolahan untuk 3 orang anak tersebut iaitu anak ketiga, keempat dan kelima adalah sebanyak RM400 seorang, ($RM400 \times 3 = RM1200$). (Bayaran belanja awal persekolahan ini diambilkira melibatkan 2 pasang pakaiaan sekolah, 2 pasang kasut sekolah, beg sekolah, pakaian beruniform, buku-buku dan lain-lain keperluan pembelajaran setiap seorang anak). Bayaran hendaklah dibayar sebelum 15hb Disember pada setiap tahun bermula tahun 2018 dan hendaklah dibuat melalui akaun anak kedua.

Seterusnya Plaintiff juga mohon yuran awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sebanyak RM3000.00 setahun, yang mana perkara ini tidak dibuat perubahan dalam Perintah Mahkamah tahun 2012 dahulu. Setelah diteliti fakta kes, Mahkamah juga memberi pertimbangan terhadap yuran awal persekolahan dan memfardhukan perubahan yuran persekolahan tersebut yang asalnya sebanyak RM 1000.00 untuk 5 orang anak diubah kepada RM1200.00 ($RM400 \times 3 = RM1200$) tetapi untuk tiga orang anak sahaja iaitu anak ketiga, keempat dan kelima, memandangkan anak pertama dan anak kedua telah tamat persekolahan dan pula telah mendapat pembiayaan pengajiannya dan dibuat perintah secara berasingan. Perkara ini adalah selaras dengan permohonan Defendan sendiri. Dengan ini Mahkamah berpuas hati nilai kos yuran awal persekolahan untuk 3 orang anak tersebut iaitu anak ketiga, keempat dan kelima adalah tidak lebih dari RM400 seorang, ($RM400 \times 3 = RM1200$) (Bayaran yuran awal persekolahan ini diambilkira melibatkan yuran pendaftaran, yuran PIBG, Yuran kecemerlangan, dan lain-lain berkaitan pembelajaran anak). Bayaran hendaklah dibayar sebelum 15hb Disember pada setiap tahun bermula tahun 2018 (untuk sesi persekolahan bagi tahun 2019).

Bagi keperluan menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Hari Raya Aidiladha, Defendan selaku bapa hendaklah menyediakan perbelanjaan yang memadai bagi menyambut kedua-dua perayaan tersebut dengan membuat pembayaran yang secukupnya. Sebagaimana tuntutan, Plaintiff memohon agar Defendan membuat pembayaran perbelanjaan hari Raya Aidilfitri bagi 5 orang anak sebanyak RM2000.00 setahun dan begitu juga perbelanjaan hari Raya Aidiladha bagi 5 orang anak sebanyak

RM2000.00 setahun. Berdasarkan perintah terdahulu bertarikh 21 Oktober 2012 di mana Defendan diperintahkan membayar perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri sebanyak RM1000.00 untuk 5 orang anak dan sebanyak RM750.00 perbelanjaan hari Raya Aidiladha untuk 5 orang anak. Oleh itu, berdasarkan perubahan matan yang berlaku kepada hal keadaan anak-anak seperti yang dijelaskan di atas tadi, Mahkamah dengan ini memfardhukan perubahan perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri tersebut dinaikkan daripada RM1000.00 kepada RM1500.00 untuk 5 orang anak (iaitu $RM300 \times 5 = RM1500$ dengan perkiraan sekurang-kurangnya 2 pasang baju raya untuk seorang anak). Perubahan tersebut adalah kerana wujud perubahan matan dari segi umur anak-anak. Maka perbelanjaan untuk membeli persiapan Hari Raya Aidilfitri seperti pakaian, harganya juga akan mengikut tahap umur anak-anak. Manakala bagi perbelanjaan Hari Raya Aidiladha, Mahkamah mengekalkan bayaran sebanyak RM750.00 untuk 5 orang anak kerana persiapan Hari Raya Aidilfitri kebiasaannya yang menjadi keutamaan berbanding Hari Raya Aidiladha.

Di akhir penghakiman ini, Mahkamah merumuskan, bahawa dengan penghakiman ini, Perintah Tuntutan Perubahan Nafkah Anak sebagaimana yang telah dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah di Kuala Terengganu melalui Kes Mal No: 11100-025-XXXX-2011 bertarikh 21-10-2012 iaitu pada para (3) dan (5) adalah dengan ini dimansuhkan. Manakala, perintah di para (4) perlulah dipinda dan perintah di para (6) dikekalkan tanpa pindaan.

PERINTAH

1. **SAYA BENARKAN** tuntutan Perubahan Perintah Nafkah Anak oleh Plaintiff, AAA BT CCC,(KP No : 11111-11-4567) terhadap Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444).

2. **SAYA PERINTAHKAN** nafkah bagi 5 orang anak adalah diubah dan Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) hendaklah membayar :
 - a) Nafkah bagi 5 orang anak sebanyak RM2500.00 sebulan (RM500 x 5 orang) tiap-tiap bulan bermula Februari 2018.
 - b) Bayaran nafkah anak pertama yang bernama Nor Nadzirah Bt VVV (KP No : 940X0X-11-5XXX) dibayar terus ke akaunnya, akaun Bank Simpanan Nasional No : 111052900013XXXX.
 - c) Manakala bayaran bagi anak kedua, ketiga, keempat dan kelima dibayar melalui akaun anak kedua, Nurul Aida Bt VVV (KP No : 9507XX-11-5XXX), akaun Agro Bank No : 200656100004XXXX.

3. **SAYA PERINTAHKAN** yuran awal persekolahan diubah dan Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) hendaklah membayar yuran awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sahaja sebanyak RM1200.00 (dengan perkiraan RM400 x 3 orang) dan dibayar sebelum 15hb Disember pada setiap tahun bermula tahun 2018. Bayaran dibuat melalui akaun anak kedua, Nurul Aida Bt VVV (KP No : 9507XX-11-5XXX), akaun Agro Bank No : 200656100004XXXX.

4. **SAYA PERINTAHKAN** perbelanjaan awal persekolahan adalah diubah dan Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) hendaklah membayar perbelanjaan awal persekolahan bagi anak ketiga, keempat dan kelima sahaja sebanyak RM1200.00 (dengan perkiraan RM400 x 3 orang) dan dibayar sebelum 15hb

Disember pada setiap tahun bermula tahun 2018. Bayaran dibuat melalui akaun anak kedua, Nurul Aida Bt VVV (KP No : 9507XX-11-5XXX), akaun Agro Bank No : 200656100004XXXX.

5. **SAYA PERINTAH** Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) menanggung yuran pengajian serta perbelanjaan pengajian bagi anak pertama dan anak kedua. Segala kos atau yuran pengajian serta perbelanjaan pengajian bagi anak pertama dan anak kedua tersebut hendaklah dimaklumkan oleh anak pertama dan anak kedua kepada Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444). Pembayaran bagi yuran pengajian serta perbelanjaan pengajian bagi anak pertama dan anak kedua dibuat melalui akaun anak pertama dan anak kedua.
6. **SAYA PERINTAHKAN** Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) membayar persediaan atau perbelanjaan Hari Raya Aidilfitri bagi 5 orang anak sebanyak RM1500 (dengan perkiraan RM300 x 5 orang) dan dibayar dalam tempoh 3 bulan sebelum Hari Raya Aidilfitri pada setiap tahun bermula tahun 2018. Bayaran dibuat melalui akaun anak kedua, Nurul Aida Bt VVV (KP No : 9507XX-11-5XXX), akaun Agro Bank No : 200656100004XXXX.
7. **SAYA PERINTAHKAN** Defendan, XXXX BIN VVV (KP No : 11111-11-4444) membayar persediaan atau perbelanjaan Hari Raya Aidiladha bagi 5 orang anak sebanyak RM750.00 (dengan perkiraan RM150 x 5 orang) dan dibayar dalam tempoh 2 bulan sebelum Hari Raya Aidiladha pada setiap tahun bermula tahun 2018. Bayaran dibuat melalui akaun anak kedua, Nurul Aida Bt VVV (KP No : 9507XX-11-5XXX), akaun Agro Bank No : 200656100004XXXX.

DIBERI DI BAWAH TANDATANGAN saya dan Meterai Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Terengganu, pada hari ini Isnin, 10 Jamadil Akhir 1439 Hijrah bersamaan 26 Februari 2018.

METERAI

HAKIM